

Kafir: Pas

Bahan asal dari Arkib

dicabar

Negara Malaysia

bukti dengan Quran, Hadis

KOTA BHARU. Sabtu. — Timbalan Menteri Buruh, Datuk Haji Zakaria Abdul Rahman, mencabar pemimpin-pemimpin Pas supaya membuktikan dakwaan mereka dengan Quran atau Hadis bahawa orang-orang Barisan Nasional atau Umno kononnya adalah "kafir."

Katanya, jika dakwaan mereka itu benar dengan berlandaskan Quran dan Hadis, beliau sanggup menukar parti dan berpaling kepada Pas.

Katanya, selama mana pemimpin-pemimpin Pas tidak dapat membuktikan dakwaan mereka itu, selama itulah beliau menentang habis-habisan perjuangan Pas.

Datuk Haji Zakaria, yang juga Ketua Umno Bahagian Besut, berkata orang-orang Umno tidak sanggup "menukarkan" parti dengan agama, sekiranya benar dakwaan Pas kononnya penyokong-penyokong parti itu dicap sebagai "kafir."

Berucap dalam ceramah pilihanraya kecil kawasan Kemumin, di Kampung Pulau Kapas, dekat sini, Datuk Haji Za-

karia juga mengingatkan masyarakat di kawasan itu supaya jangan menyokong sesebuah parti itu kerana mengikut nafsu dan sentimen politik.

"Kerana inilah yang menyebabkan mereka menyokong sesebuah parti politik secara membabi buta tanpa memikirkan akibat buruk yang akan diterima oleh mereka bila menyokong parti itu," tambahnya.

Beliau tidak mahu masyarakat memilih dan menyokong sesebuah parti itu secara "fanatik" sehinggakan sanggup menolak bulat-bulat parti lain, walaupun kebenaran ternyata dan jelas pada parti lain itu.

Menurut Datuk Haji Zakaria, kebanyakan penyokong Pas, terutama di negeri ini dan Terengganu, menyokong parti itu mengikut nafsu tanpa menggunakan pemikiran yang bijak.

"Inilah yang menyebabkan penyokong-penyokong parti itu membawa isu-isu yang boleh membangkitkan semangat perpecahan di kalangan masyarakat Islam di negeri ini," tambahnya.